



14 September 2017

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM KESEDERAN DERMA ORGAN SEMPERA SAMBUTAN KEMERDEKAAN ANJURAN ANGKASA**

**Kelana Jaya, 14 September 2017 - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)** pada hari ini telah menganjurkan **Program Kesedaran Derma Organ** bersempena dengan **Sambutan Kemerdekaan** di Auditorium ANGKASA, Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya. Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Pusat Sumber Transplan Nasional dan telah disempurnakan perasmianya oleh **YBhg. Dato' Abdul Fattah Abdullah, Presiden ANGKASA.**

Bersempena dengan Program Kesedaran Derma Organ, satu sesi ceramah telah dianjurkan untuk mengupas isu tersebut bagi menjelaskan kepada warga koperasi dan masyarakat amnya tentang hukum pendermaan organ dari sudut agama. Ianya juga bagi menggalakkan lagi jumlah penderma organ kerana keperluannya yang sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Sebuah *booth* pameran dari Pusat Sumber Transplan Nasional dibuka bagi menjelaskan lagi kepada umum mengenai isu ini.

Menurut data yang dikeluarkan oleh Pusat Sumber Transplan Nasional, seramai 392,221 individu telah menjadi Pengikrar dari 1997 sehingga Julai 2017 manakala dari Januari 2017 sehingga Julai 2017, jumlahnya adalah 10,487 orang.

ANGKASA sebagai badan Apeks Gerakan Koperasi Negara menyokong penuh kempen 'Jom Ikrar Derma Organ' dengan tema 'Satu Ikrar, Sejuta Harapan' yang dipromosikan oleh Pusat Sumber Transplan Nasional. Promosi juga akan dibuat oleh Pusat Sumber Transplan Nasional di seluruh Negara melalui pelbagai penganjuran aktiviti kesedaran derma organ.

Presiden ANGKASA, Dato' Abdul Fattah Abdullah berkata program sebegini adalah selaras dengan prinsip koperasi itu sendiri iaitu keprihatinan terhadap masyarakat dan alam sekitar. Beliau juga berharap akan lebih ramai sedar dan faham mengenai isu pendermaan organ ini supaya ianya mendapat persepsi yang positif serta menyeru masyarakat koperasi dan umum supaya dapat mengamalkan dan menyokong mana-mana program yang menganjurkan program gaya hidup sihat.

#### **MENGENAI ANGKASA**

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Pada masa ini ANGKASA menaungi kira-kira 13,428 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak

RM13.9 bilion, jumlah aset RM130 bilion dan perolehan sebanyak RM39 bilion (sasaran 2020, RM50 bilion).

(Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2015) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh :

**Bahagian Komunikasi Korporat  
ANGKASA**

Tel. : +603 – 7800 7872

Faks : +603 – 7884 6489